

**AMALAN CARA BELAJAR DALAM KALANGAN PELAJAR
CEMERLANG SUBJEK BIOLOGI DI MATRIKULASI**

NORIDAHAYU BINTI HAPNAH

**LAPORAN PENULISAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(BIOLOGI) DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024

PERAKUAN



FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) Februari (bulan) 2024

i. Perakuan pelajar:

Saya, NORIDAHAYU BINTI HAPNAH (D20201095370) dengan ini mengaku bahawa laporan projek penyelidikan tahun akhir bertajuk AMALAN CARA BELAJAR DALAM KALANGAN PELAJAR CEMERLANG SUBJEK BIOLOGI DI MATRIKULASI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar:

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Ts. MARINA BINTI MOKHTAR dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN CARA BELAJAR DALAM KALANGAN PELAJAR CEMERLANG SUBJEK BIOLOGI DI MATRIKULASI dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada JABATAN BIOLOGI bagi memenuhi syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (BIOLOGI) DENGAN KEPUJIAN.

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 15/2/2024



PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah dengan limpah dan kurniaNya berserta nikmat masa yang dianugerahkan kepada saya, dapat saya menyempurnakan kajian ini. Melalui ruang yang terbatas ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Ts. Marina Binti Mokhtar yang banyak membantu, memberikan tunjuk ajar, bimbingan, teguran serta nasihat yang amat bermakna kepada saya sepanjang menjalankan kajian penyelidikan ini dari peringkat awal sehingga ke peringkat akhir dalam menyempurnakan kajian dengan jayanya.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengalungkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris dan pihak Fakulti Sains dan Matematik serta penyelaras dan pensyarah yang terlibat dalam kursus SBR3996 yang telah memberi kebenaran dan menyokong dalam menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada pihak Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (BMKPM) dan Kolej Matrikulasi Labuan (KML) yang telah memberikan kebenaran untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada responden yang terlibat iaitu pelajar jurusan sains daripada Kolej Matrikulasi Labuan yang sudi menjadi responden dan memberi kerjasama bagi kajian melaksanakan penyelidikan ini.

Saya juga mendedikasikan ucapan penghargaan kepada ahli keluarga saya yang memberikan sokongan dari segi motivasi untuk menyelesaikan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberikan idea sepanjang tugas ini dijalankan. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan laporan akhir tahun ini. Jasa kalian amat saya hargai.





ABSTRAK

Kepadatan masa pembelajaran bagi program matrikulasi yang singkat menyebabkan pelajar perlu mengadaptasikan diri dengan perubahan cara pembelajaran yang berbeza dengan di sekolah menengah. Isu yang berkaitan dengan pencapaian pelajar di matrikulasi adalah perubahan penggunaan Bahasa Inggeris sepenuhnya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, termasuklah nota dan rujukan yang menyebabkan kesukaran kepada pelajar terutama yang belajar biologi di sekolah menengah menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti cara belajar yang diamalkan dalam kalangan pelajar yang memperoleh gred cemerlang (A) Biologi bagi peperiksaan semester 2 di Kolej Matrikulasi Labuan (KML). Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pemilihan responden kajian dijalankan secara persampelan bertujuan iaitu seramai 6 orang pelajar semester 4 jurusan sains. Kaedah pengumpulan data dibuat menggunakan protokol temubual separa berstruktur. Instrumen kajian terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan cara belajar subjek Biologi. Kaedah analisis data dalam kajian ini adalah secara kaedah tematik. Soalan temu bual terdiri daripada tiga konstruk iaitu amalan cara belajar di dalam kelas, di luar kelas dan semasa minggu ulangkaji. Hasil kajian menunjukkan cara belajar yang bersesuaian merupakan faktor penentu kepada pencapaian akademik pelajar. Bagi cara belajar di dalam kelas, majoriti responden mengamalkan cara belajar membuat persediaan sebelum kelas bermula dan aktif berkomunikasi dengan pensyarah. Seterusnya, bagi cara belajar di luar kelas, majoriti responden melakukan ulangkaji pelajaran dengan membaca dan membuat semula nota yang telah dibuat. Bagi cara belajar semasa minggu ulangkaji pula, majoriti responden menguruskan waktu belajar dan mempunyai cara sendiri untuk menguasai topik mencabar. Kesimpulan kajian menunjukkan pelajar mengamalkan cara belajar yang sesuai dengan diri kerana dapatan kajian menunjukkan terdapat cara belajar yang sama dan ada yang berbeza yang diamalkan oleh responden untuk membolehkan mereka memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang terutama sekali dalam subjek Biologi. Implikasi kajian mencadangkan bahawa prestasi akademik pelajar boleh ditingkatkan dengan mengenalpasti cara belajar yang bersesuaian dengan setiap individu.



STUDY PRACTICES AMONG OUTSTANDING STUDENTS OF BIOLOGY SUBJECT IN MATRICULATION

ABSTRACT

The density of learning time for the short-term matriculation program causes students to have to adapt to changes in learning methods that are different from high school. An issue related to student achievement in matriculation is the change in the use of English entirely in teaching and learning sessions, including notes and references that cause difficulties for students, especially those studying biology in high school using entirely Malay language. The purpose of this study is to identify the study methods practiced among students who obtained an excellent grade (A) in Biology for the 2nd semester examination at the Labuan Matriculation College (LMC). The methodology of this study uses a qualitative approach with a case study design. The selection of respondents for the study was carried out by purposive sampling, which is a total of 6 students of semester 4 majoring in science. The data collection method was made using a semi-structured interview protocol. The research instrument consists of questions related on how to study the biology subject. The method of data analysis in this study is a thematic method. The interview questions consisted of three constructs, which are the practices of how to study in class, outside class and during review week. The results of the study show that the appropriate way of learning is a determining factor in the academic achievement of students. As for how to study in class, majority of respondents prepare early before the class starts and actively communicating with the lecturer. Next, for learning outside the classroom, majority of respondents reviewed the lessons by reading and redoing the notes that had been made. As for how to study during the review week, majority of respondents manage their study time and have their own way of mastering challenging topics. The conclusion of the study shows that students use learning practices that suits them because the findings of the study show that study practices that are practiced by the respondents enable them to obtain excellent academic achievements, especially in the biology subject. The implications of the study suggest that the academic performance of students can be improved by identifying learning methods that suit each individual.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Definisi Operasional	8
1.8.1 Amalan	8
1.8.2 Cara Belajar	8
1.8.3 Cemerlang Subjek Biologi Matrikulasi	9



1.9 Rumusan	10
-------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	11
---------------------------------	----

2.1 Pengenalan	11
----------------	----

2.2 Teori dan Model Yang Mendasari Kajian	11
---	----

2.2.1 Teori Pembelajaran Kawalan Kendiri (<i>Self-Regulatory Learning</i>)	11
--	----

2.2.2 Model Gaya Pembelajaran Visual, Auditori, Membaca dan Kinestetik (VARK)	13
---	----

2.3 Dapatan Kajian Lepas	15
--------------------------	----

2.4 Rumusan	21
-------------	----

BAB 3 METODOLOGI	22
-------------------------	----

 05-4506832
  3.1 Pengenalan
  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  22

ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian	22
------------------------	----

3.3 Populasi dan Sampel Kajian	23
--------------------------------	----

3.4 Instrumen Kajian	23
----------------------	----

3.4.1 Soalan Temu Bual	23
------------------------	----

3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	25
--	----

3.5.1 Kesahan Muka	26
--------------------	----

3.5.2 Kesahan Kandungan	26
-------------------------	----

3.5.3 Kebolehpercayaan Instrumen	27
----------------------------------	----

3.6 Kajian Rintis	28
-------------------	----

3.7 Prosedur Pengumpulan Data	28
-------------------------------	----

3.7.1 Proses Temu Bual	29
------------------------	----

3.8 Kaedah Analisis Data	30
3.8.1 Proses Transkripsi	30
3.8.2 Analisis Berdasarkan Tema	32
3.9 Rumusan	34

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN 36

4.1 Pengenalan	36
4.2 Amalan Cara Belajar Di Dalam Kelas	38
4.2.1 Apakah amalan cara belajar di dalam kelas bagi pelajar cemerlang perempuan?	38
4.2.2 Apakah amalan cara belajar di dalam kelas bagi pelajar cemerlang lelaki?	43
4.3 Amalan Cara Belajar Di Luar Kelas	48
4.3.1 Apakah amalan cara belajar di luar kelas bagi pelajar cemerlang perempuan?	48
4.3.2 Apakah amalan cara belajar di luar kelas bagi pelajar cemerlang lelaki?	51
4.4 Amalan Cara Belajar Semasa Minggu Ulangkaji	57
4.4.1 Apakah amalan cara belajar semasa minggu ulangkaji bagi pelajar cemerlang perempuan?	57
4.4.2 Apakah amalan cara belajar semasa minggu ulangkaji bagi pelajar cemerlang lelaki?	63
4.5 Perbincangan	72
4.5.1 Amalan Cara Belajar Di Dalam Kelas	72

4.5.2 Amalan Cara Belajar Di Luar Kelas	75
4.5.3 Amalan Cara Belajar Semasa Minggu Ulangkaji	78
4.6 Rumusan	81
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	82
5.1 Pengenalan	82
5.2 Kesimpulan	82
5.2.1 Amalan Cara Belajar Di Dalam Kelas	83
5.2.2 Amalan Cara Belajar Di Luar Kelas	83
5.2.3 Amalan Cara Belajar Semasa Minggu Ulangkaji	84
5.3 Signifikan Kajian	85
5.4 Implikasi Kajian	86
5.5 Cadangan	86
5.5.1 Kajian Susulan Terhadap Responden Semasa Di Universiti	86
5.5.2 Memperbanyakkan Kajian Mengenai Cara Belajar Yang Berkesan	86
5.5.3 Membuat Buku Panduan Baru Tentang Cara Pembelajaran Yang Bersesuaian Mengikut Individu	87
5.5.4 Cadangan Kepada Pihak Matrikulasi	87
RUJUKAN	89
LAMPIRAN	

**SENARAI JADUAL**

No.	Jadual	Muka Surat
1.1	Sistem Gred Keputusan Akhir Kursus Pengkhususan Matrikulasi	10
3.1	Persoalan Kajian dan Kod bagi Penstrukturan Soalan Temu Bual	24
3.2	Analisis Data Bagi Kesahan Muka Soalan Temu Bual Oleh Dua Orang Pakar Yang Dipilih	26
3.3	Analisis Data Bagi Kesahan Kandungan Soalan Temu Bual Berdasarkan Konstruk	26
3.4	Komen Keseluruhan Pakar Penilai Terhadap Soalan Temu Bual	27
3.5	Tema-Tema Awal Daripada Data Transkrip Temu bual Separa Berstruktur	32
3.6	Kod Berdasarkan Hasil Analisis Tema	33
4.1	Tema-Tema dan KOD Temu bual Separa Berstruktur Pelajar Di KML Berdasarkan Persoalan Kajian	37
4.2	Tema-Tema Temu Bual Responden Perempuan Berdasarkan Amalan Cara Belajar di Dalam Kelas	38
4.3	Tema-Tema Temu Bual Responden Lelaki Berdasarkan Amalan Cara Belajar di Dalam Kelas	43
4.4	Tema-Tema Temu Bual Responden Perempuan Berdasarkan Amalan Cara Belajar di Luar Kelas	48
4.5	Tema-Tema Temu Bual Responden Lelaki Berdasarkan Amalan Cara Belajar di Luar Kelas	51
4.6	Tema-Tema Temu Bual Responden Perempuan Berdasarkan Amalan Cara Belajar Semasa Minggu Ulangkaji	57
4.7	Tema-Tema Temu Bual Responden Lelaki Berdasarkan Amalan Cara Belajar Semasa Minggu Ulangkaji	63



SENARAI RAJAH

No.	Rajah	Muka Surat
2.1	Peta Konsep MSLQ	13
2.2	Model VARK	14
3.1	Transkrip Temu Bual Responden 1	31

SENARAI SINGKATAN

STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
PST	Program Satu Tahun
PDT	Program Dua Tahun
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SDS	Sistem Dua Semester
SES	Sistem Empat Semester
PB	Penilaian Berterusan
PSPM	Peperiksaan Semester Program Matrikulasi
PNGS	Purata Nilai Gred Semester
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
VARK	<i>Visual, Aural, Read/Write, Kinesthetic</i>
MSLQ	Motivated Strategies for Learning Questionnaire
PSP	Politektik Seberang Perai
SMA	Sekolah Menengah Atas
SMAN	Sekolah Menengah Atas Negeri
PKn	Pendidikan Kewarganegaraan
KML	Kolej Matrikulasi Labuan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
R1L	Responden Pertama Lelaki



R2P	Responden Kedua Perempuan
R3P	Responden Ketiga Perempuan
R4L	Responden Keempat Lelaki
R5L	Responden Kelima Lelaki
R6P	Responden Keenam Perempuan
P	Penyelidik
R	Responden
DK	Kod Konstruk Amalan Cara Belajar Di Dalam Kelas
LK	Kod Konstruk Amalan Cara Belajar Di Luar Kelas
MU	Kod Konstruk Amalan Cara Belajar Semasa Minggu Ulangkaji



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- B Surat Kebenaran Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia
- C Surat Permohonan Menjalankan Kajian Penyelidikan Di Kolej Matrikulasi
Labuan
- D Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Penyelidikan Di Kolej Matrikulasi
Labuan
- E Surat Lantikan Pakar
- F Borang Penilaian Kesahan Pakar
- G Surat Temu Bual
- H Soalan Temu Bual
- I Transkrip Temu Bual
- J Surat Persetujuan Responden
- K Contoh Nota Responden
- L Sesi Temu Bual Bersama Responden Secara Atas Talian

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap individu yang bergelar pelajar memiliki keinginan untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang sepanjang tempoh bergelar sebagai pelajar. Pencapaian akademik merupakan suatu perkara yang amat penting bagi seorang pelajar untuk menilai sejauh manakah kecerdasan mereka dalam pembelajaran (Muhamad Shafiq Mohd Razali & Noraini Abdol Raop, 2018). Namun begitu, terdapat pelajar yang ingin cemerlang tetapi tidak tahu bagaimana cara untuk mencapai kecemerlangan tersebut. Hal ini kerana, setiap individu memiliki karakter dan kebolehan tersendiri yang adakalanya individu tersebut sendiri tidak sedar kebolehan yang mereka miliki. Walaupun pelajar berada di tahap pembelajaran yang sama, namun setiap pelajar merupakan individu yang unik dan mempunyai perbezaan antara satu sama lain dan perbezaan ini merangkumi aspek pemikiran, tindak balas, minat dan kecenderungan,



pencapaian dan juga tahap pemahaman (Muhammad Dzharil Shah Andarin & Noor Raudhiah Abu Bakar, 2017).

Perbezaan ini mewujudkan pelbagai kaedah dan strategi pembelajaran yang telah diasaskan oleh tokoh-tokoh pendidikan terdahulu bertujuan untuk menyesuaikan cara belajar yang sesuai dengan individu tersebut. Dari kaedah dan strategi pembelajaran yang telah diwujudkan, maka terhasil cara belajar yang diterapkan oleh pelajar mengikut individu. Tiada cara belajar yang betul ataupun salah kerana semuanya bergantung kepada individu itu sendiri. Namun begitu, terdapat beberapa cara belajar yang dicadangkan oleh tokoh mengenai cara belajar yang berkesan iaitu jika ingin menerapkan kemahiran belajar perlulah menguasai empat aspek kemahiran yang berkait rapat dengan pembelajaran dari segi kemahiran berfikir, kemahiran dalam sikap, kemahiran emosi dan kemahiran melaksana (Hendra Surya, 2013). Justeru, amat penting untuk mengenalpasti cara pembelajaran yang sesuai dengan diri agar dapat membantu dalam mencapai keputusan yang cemerlang.

Subjek biologi merupakan salah satu cabang dari bidang sains yang dianggap sebagai subjek yang sukar. Hal ini kerana, mempelajari biologi memerlukan usaha sama antara pelajar dan guru, di mana subjek ini memerlukan kemahiran menerangkan suatu konsep menggunakan pelbagai kaedah seperti analogi, peta konsep, formula matematik, simbol biologi serta pengukuran saintifik secara serentak untuk memberikan gambaran yang jelas tentang proses-proses dan fenomena yang berlaku yang tidak dapat dilihat menggunakan mata kasar sahaja (Fazzlijan Mohamed Adnan Khan & Mona Masood, 2014).



1.2 Latar Belakang Kajian

Program Matrikulasi merupakan program setaraf Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Diploma dan Asasi (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2021). Ianya merupakan satu program yang diwujudkan pada tahun 1998 bertujuan sebagai persediaan bagi pelajar bumiputera untuk melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara bagi peringkat ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi dan sastera ikhtisas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Program matrikulasi merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk melahirkan pelajar yang berpotensi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama dan ianya merupakan salah satu laluan yang singkat kerana tempoh masa pengajiannya hanyalah satu tahun bagi Program Satu Tahun (PST) dan dua tahun bagi Program Dua Tahun (PDT) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Terdapat dua struktur program bagi matrikulasi iaitu Program Matrikulasi Satu Tahun (PST) yang menggunakan struktur pengajian sistem dua semester (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018) dan Program Matrikulasi Dua Tahun (PDT) yang menggunakan sistem empat semester (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Namun begitu, mulai sesi 2019/2020, PST dan PDT telahpun ditambah baik dan dikenali sebagai Program Matrikulasi KPM Sistem Dua Semester (SDS) bagi PST dan PDT pula ialah Program Matrikulasi KPM Sistem Empat Semester (SES) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Disebabkan program matrikulasi mempunyai tempoh masa pengajian yang pendek, maka sukatan pelajaran dalam program ini juga adalah padat (Wan Nurul Izza Wan Husin, 2022). Terdapat empat jurusan yang ditawarkan dalam program matrikulasi iaitu sains, kejuruteraan, perakaunan dan perakaunan professional (JPPro). Bagi jurusan sains, terdapat tiga pecahan modul mengikut mata



pelajaran khusus iaitu Modul I, yang terdiri daripada subjek Matematik, Kimia, Fizik dan Biologi. Seterusnya, Modul II ialah Matematik, Kimia, Fizik dan Sains Komputer. Manakala bagi Modul III, subjek yang dikhususkan ialah Matematik, Kimia, Biologi dan Sains Komputer (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Bagi sistem penilaian pula, pelajar akan dinilai berdasarkan Penilaian Berterusan (PB) serta Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) yang akan menentukan prestasi dan kedudukan akademik bagi pelajar melalui Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada akhir setiap semester. Sampel yang difokuskan dalam kajian ini terdiri daripada pelajar jurusan sains iaitu Modul I dan Modul II kerana terdapat subjek Biologi dalam pengkhususan subjek mereka.

Isu yang berkait dengan pencapaian pelajar di matrikulasi adalah perubahan cara pembelajaran yang berbeza daripada sekolah menengah. Hal ini kerana, subjek Biologi di matrikulasi menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya dalam sesi pembelajaran kerana penggunaan istilah Biologi dalam buku serta rujukan semuanya menggunakan Bahasa Inggeris. Hal ini menjadi cabaran kepada beberapa pelajar terutamanya pelajar yang kurang menguasai Bahasa Inggeris dan menyebabkan kesukaran untuk mengadaptasi cara pembelajaran yang baru terutama pelajar yang asalnya belajar subjek Biologi menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya semasa di sekolah menengah. Berdasarkan kajian, pelajar juga mengatakan mereka faham konsep serta isi kandungan namun sukar untuk menterjemahkannya ke dalam Bahasa Inggeris ketika ingin menulis ayat atau mengeja istilah tertentu (Noriantie Ibrahim, 2021).

Cara belajar yang sesuai membantu untuk mencapai suatu keadaan belajar yang berkesan yang mengandungi enam komponen tindakan iaitu mengulang kaji, membuat



latihan, merujuk, memahami, mengingat dan mengaplikasi (Rubiah Aksah & Ong Yea Jing, 2005). Cara belajar yang berkesan merupakan satu perkara yang boleh dipelajari. Seorang pelajar yang ingin mencapai kecemerlangan perlu mempunyai kemahiran belajar yang betul mengikut kesesuaian individu. Kemahiran belajar melibatkan beberapa kemahiran seperti mendengar dengan berkesan, membaca, mencatat nota, menulis serta mengingat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Setiap pelajar mempunyai cara penerimaan maklumat dan cara belajar yang berbeza mengikut gaya pembelajaran yang sesuai dengan pelajar untuk mencapai keputusan yang cemerlang (Rosemagnyca, 2018). Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji apakah amalan cara belajar bagi pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam subjek Biologi di matrikulasi.

1.3 Pernyataan Masalah

Keperluan untuk mendapat keputusan cemerlang dalam subjek Biologi bagi setiap semester untuk pelajar matrikulasi jurusan sains adalah penting untuk menentukan pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) mereka berada ditahap yang cemerlang. Subjek Biologi yang merangkumi konsep sains yang terlalu abstrak menyebabkan ianya sukar difahami. Abstrak bermaksud proses yang terlibat kebanyakannya tidak dapat dilihat atau dirasa dengan pancaindera (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Subjek ini juga mempunyai banyak fakta yang memerlukan hafalan serta pemahaman yang mendalam terhadap maksud dan konsep yang terdapat dalam subjek ini (Nor Asniza Ishak et al., 2021). Pelajar juga bermasalah untuk mengimajinasikan suatu mekanisme serta mengalami kesukaran untuk mengingat fakta yang banyak dalam subjek Biologi (Rahimah Rahmat et al., 2022).

Pelajar yang cenderung menghafal tanpa memahami konsep berisiko untuk terlupa dan keliru dengan fakta dan terma yang spesifik semasa menjawab peperiksaan. Dalam analisis laporan tahunan matrikulasi di utara Malaysia, kesukaran pelajar memahami topik *Cellular Respiration* serta kecenderungan sekadar menghafal tanpa faham menjadi punca pelajar tidak mendapat markah yang tinggi kerana topik ini berkaitan dengan proses biokimia yang rumit serta memerlukan daya kefahaman dan ingatan yang tinggi sekiranya ingin menguasai topik tersebut (Nor Asniza Ishak et al., 2021).

Berdasarkan kajian ke atas pelajar matrikulasi, peratusan pelajar yang menunjukkan ketidakupayaan untuk mengenalpasti gen adalah tinggi kerana pelajar tidak dapat menulis langkah-langkah dengan betul dan keliru dengan konsep gen ketika menjawab soalan (Hanna Mohd Hussaini et al., 2022). Selain itu, berdasarkan hasil refleksi pensyarah matrikulasi, pelajar tidak mampu menerangkan proses biologi dengan betul dan selalu keliru antara fungsi-fungsi bagi setiap proses dan elemen kerana tidak tahu cara menghasilkan nota yang boleh membantu proses menerangkan dan memahami keseluruhan proses dengan tepat (Siti Mahayan Hashim et al., 2019).

Pemilihan cara belajar mengikut kesesuaian individu akan membantu semasa sesi pembelajaran pelajar. Kajian yang spesifik mengenai amalan cara belajar bagi pelajar Biologi matrikulasi belum pernah dijalankan oleh mana-mana penyelidik. Oleh itu, dengan menjalankan kajian terhadap cara belajar dalam kalangan pelajar yang mempunyai pencapaian cemerlang dalam subjek Biologi, satu analisis amalan cara belajar boleh diguna rujuk oleh pelajar lain untuk memperbaiki cara belajar agar sesuai dengan diri sendiri untuk mencapai gred yang cemerlang.



1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk:

1. Mengenal pasti amalan cara belajar di dalam kelas bagi pelajar cemerlang subjek Biologi.
2. Mengenal pasti amalan cara belajar di luar kelas bagi pelajar cemerlang subjek Biologi
3. Mengenal pasti amalan cara belajar semasa minggu ulangkaji bagi pelajar cemerlang subjek Biologi.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi kajian ini adalah;



1. Apakah amalan cara belajar di dalam kelas bagi pelajar cemerlang perempuan?
2. Apakah amalan cara belajar di dalam kelas bagi pelajar cemerlang lelaki?
3. Apakah amalan cara belajar di luar kelas bagi pelajar cemerlang perempuan?
4. Apakah amalan cara belajar di luar kelas bagi pelajar cemerlang lelaki?
5. Apakah amalan cara belajar semasa minggu ulangkaji bagi pelajar cemerlang perempuan?
6. Apakah amalan cara belajar semasa minggu ulangkaji bagi pelajar cemerlang lelaki?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti amalan cara belajar bagi pelajar yang mendapat gred cemerlang dalam subjek Biologi, khususnya bagi pelajar yang memperoleh gred A semasa peperiksaan PSPM. Hasil kajian ini boleh dijadikan





rujukan untuk kesemua pelajar yang ingin memperbaiki pencapaian mereka dalam subjek Biologi dengan menggunakan cara belajar yang diamalkan oleh pelajar cemerlang. Namun begitu, cara belajar yang diketengahkan tidak terhad dan masih perlu mengikut kesesuaian cara belajar masing-masing.

Menerusi amalan cara belajar yang tepat diharapkan dapat membantu pelajar memahami dengan lebih mudah semasa belajar subjek Biologi untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dan seterusnya meningkatkan peratus pencapaian pelajar yang mendapat gred A bagi subjek Biologi dalam Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.7 Batasan Kajian

Kajian hanya tertumpu kepada pelajar jurusan sains semester 4 Modul I dan Modul III daripada Sistem Empat Semester (SES). Kajian ini juga terbatas kepada pelajar yang mendapat gred cemerlang (A) bagi subjek Biologi dalam peperiksaan PSPM semester 2. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak mewakili semua pelajar Modul I dan Modul III bagi Kolej Matrikulasi Labuan.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Amalan

Maksud amalan merupakan “sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan, dan sebagainya) sebagai suatu kebiasaan” (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).

1.8.2 Cara belajar

Cara bermaksud “aturan (sistem, jalan) membuat sesuatu” (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Manakala belajar pula bermaksud “berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan (sesuatu kepandaian dan lain-lain), menuntut ilmu pengetahuan dan lain-



lain, menjalani latihan, dan sebagainya” (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Oleh itu, cara belajar membawa maksud aturan seseorang untuk berusaha memperoleh ilmu pengetahuan. Cara belajar boleh diukur melalui lima cara iaitu penghasilan jadual serta pelaksanaannya, membaca dan membuat catatan, mengulangkaji pelajaran, konsentrasi dan akhir sekali melaksanakan tugas dan semua cara ini akan dapat membantu mewujudkan satu fenomena cara belajar yang berkesan dan menjadikan belajar itu lebih bermakna (Slameto, 2015). Namun tiada cara yang dapat diklasifikasikan sebagai benar atau salah kerana ianya bergantung kepada individu itu sendiri.

1.8.3 Cemerlang subjek Biologi Matrikulasi

Definisi cemerlang ialah “kiasan (bukan kejayaan, keputusan peperiksaan, dan sebagainya) sangat baik” (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Ini bermaksud cemerlang bukanlah satu aras untuk kejayaan, namun ianya lebih bertepatan kepada keputusan peperiksaan yang sangat baik. Sistem gred bagi tahap cemerlang di matrikulasi ialah antara gred B+ sehingga A iaitu lingkungan mata nilaian 3.33 hingga 4.00 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Namun begitu, dalam konteks kajian ini, cemerlang yang dinilai adalah pelajar Sistem Empat Semester (SES) yang memperoleh gred A bagi subjek Biologi dalam peperiksaan semester 2 PSPM.

Jadual 1.1

Sistem Gred Keputusan Akhir Kursus Pengkhususan Matrikulasi

GRED	MATA NILAIAN	TARAF
A	4.00	Cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	
B	3.00	Kepujian
B-	2.67	
C+	2.33	
C	2.00	Lulus
C-	1.67	
D+	1.33	
D	1.00	Gagal
F	0.00	

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018)

1.9 Rumusan

Dalam bab ini, penyelidik menerangkan mengenai pengenalan serta latar belakang kajian yang menceritakan mengenai Program Matrikulasi KPM serta konsep cara belajar. Objektif serta persoalan kajian yang mendasari kajian, definisi operasional, batasan kajian serta kepentingan kajian. Secara keseluruhannya, bab ini telah menghuraikan dengan jelas tentang perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian yang ingin dijalankan oleh penyelidik.